

Ulasan Buku-Buku

Sejarah Nabi Mūsā dan Buku Keris Sempena Riau di Radio Malaya

Dalam ruangan gelanggang memperkatakan buku-buku di Radio Malaya, dalam siarannya pada pukul 9.30 pada 3 haribulan September 1958 dua buku-buku Qalam mendapat perhatian yang baik terutamanya di atas buku sejarah Nabi Mūsā. “*Sejarah Nabi Mūsā* ialah satu-satu bacaan yang menceterakan dengan terang lagi mudah difaham oleh masyarakat Melayu, akan riwayat Nabi Musa *alayhi al-salām*” – kata ulasan itu. Lebih lanjut baca kedua-dua ulasan itu seperti di bawah ini:

“*Sejarah Nabi Mūsā*”, yang disusun oleh ‘Idrus, ialah satu-satu buku bacaan yang menceterakan dengan terang lagi mudah difaham oleh masyarakat Melayu, akan riwayat Nabi Allah Musa *alayhi al-salām* – iaitu Nabi dan Rasul atau utusan yang diangkat oleh Tuhan di antara kaum Bani Israel iaitu kaum Yahudi.

Bagaimana Firaun, raja negeri Mesir pada zaman itu, yang mengaku dirinya Tuhan, melakukan perintahnya yang zalim dan kejam atas kaum Bani Israel, setelah dia mendapat tahu daripada ahli-ahli nujum akan takbir mimpinya – iaitu akan lahir seorang anak lelaki dari kaum Bani Israel di negara Mesir, dan anak itu apabila sudah besar kelak akan meruntuhkan kerajaan Firaun, dan orang itu kemudiannya akan menjadi Nabi dan utusan Tuhan yang mempunyai langit dan bumi, adalah diceterakan dengan jelas – begitu juga, kisah Nabi *Mūsā* dilahirkan dan bagaimana dia terselamat daripada dijumpai oleh orang-orang Firaun yang menjalankan perintah membunuh tiap-tiap anak-anak lelaki kaum Bani Israel yang baru dilahirkan; bagaimana Nabi *Mūsā* dihanyutkan dalam peti di Sungai

Nil, dijumpai oleh isteri Firaun dan bagaimana dia dibela pelihara dalam istana Firaun dari kecil hingga dewasa, kisah dan sebab-sebab Nabi Mūsā meninggalkan negeri Mesir dan bagaimana dia bertemu dengan anak-anak perempuan seorang tua yang dikatakan ialah Nabi Allah Shu‘ayb, dan kisah dia dipilih dan diangkat menjadi Rasul atau utusan Tuhan, dan mendengar wahyu dari Tuhan, bagaimana Nabi Mūsā menjalankan perintah daripada Tuhan untuk disampaikan kepada kaumnya Bani Israel, dan kisah bagaimana Nabi Allah Mūsā memujuk Firaun supaya percaya kepada Tuhan seru sekalian alam, dan bagaimana Firaun yang takbur dan keras hati itu menunjukkan kuasa sihir dan bagaimana Nabi Mūsā menentang kuasa sihir Firaun dengan mukjizatnya seperti tongkatnya menjadi ular yang memakan ular-ular yang jadi dari kuasa sihir Firaun dan lagi kisah mukjizat Nabi Mūsā menjadikan air Sungai Nil merah seperti darah dan bagaimana kaum Bani Israel terselamat daripada dibinasakan oleh orang-orang Firaun dengan melalui satu jalan yang timbul di dasar laut dengan mukjizat Nabi Mūsā dan bagaimana angkatan askar-askar Firaun

terbinasa dilingkup semula air laut di atas jalan itu, kisah-kisah ini semuanya, adalah diceterakan dengan terang dalam buku *Sejarah Nabi Mūsā*.

Kisah bagaimana keras hati kaum Bani Israel berbalik-balik hati tentang mempercayai ajaran-ajaran yang disampaikan oleh Nabi Mūsā dan bagaimana siksa Tuhan atas mereka itu – adalah diceterakan juga dengan cara yang mudah difaham.

Satu hal yang seyogianya disebutkan berkenaan buku *Sejarah Nabi Mūsā* ini, ialah tentang bagaimana Nabi Mūsā menghadap Tuhan dan mendapat beberapa *luwh* daripada kayu dan batu yang menjadi syariat dan undang-undang pada menjalankan hukum Allah supaya diamalkan oleh kaum Bani Israel. Ini adalah dijelaskan dalam buku *Sejarah Nabi Mūsā*, dan dengan penjelasan itu, harus tidak menjadi keliru, sesiapa juga yang telah menyaksikan gambar “*Sepuluh Rukun*” yang menceterakan sejarah Nabi Mūsā. Apa yang dipertunjukkan dalam gambar itu berkenaan Nabi Mūsā menghadap Tuhan dan menerima *luwh* daripada Tuhan, hanyalah cara menggambarkannya kepada para penonton, cara yang sebenar bukanlah begitu – buku *Sejarah Nabi Mūsā* itu adalah bagus untuk jadi pengetahuan dan panduan bagi kita orang-orang Islam.

* * *

Buku “*Keris Sempena Riau*” dalam huruf Rumi oleh P. Suradi, dicetak dan diterbitkan oleh Qalam, ialah sebuah buku roman sejarah yang

kecil comel dan menarik hati. Dalam kata pendahuluannya, pengarangnya mengaku bahawa “*Keris Sempena Riau*” ialah cerita yang dikarang semula dari cerita sandiwara yang dikarang oleh M Sas. Cerita ini juga telah disiarkan sebagai sandiwara radio dari Radio Malaya bahagian Melayu Singapura kira-kira delapan tahun dahulu. Kalau saya tak salah, cerita ini berasal dari seorang guru Melayu di Sultan Idris Training College, guru yang tidak asing lagi kepada masyarakat Melayu, iaitu Cikgu Abdullah bin Ahmad atau nama penanya Ahmad Bakhtiar. Cerita “*Keris Sempena Riau*” ini ialah cerita zaman Melayu berkeris dan berlaku di sekitar istana raja. Keris yang menjadi cerita itu ialah keris pusaka raja yang dikurniakannya kepada salah seorang daripada panglimanya bernama Laksamana Perwira Jaya. Tindakan mengurniakan keris yang bersempena inilah menimbulkan berbagai-bagai fitnah dan peristiwa-peristiwa yang mengerikan dan yang dalam pada itu juga menimbulkan sifat-sifat kepahlawanan, ketenteraan dan kemuliaan hati perajurit-perajurit Melayu zaman itu. Sebagai sebuah buku roman sejarah, cantik ceritanya buku “*Keris Sempena Riau*” ini.

Kalau Cikgu Ahmad Bakhtiar telah berjaya menjalin sebuah cerita yang berdasarkan sejarah, dan Cikgu M. Sas berjaya menyusun senikata yang indah-indah dan penuh dengan pepatah dan petiti untuk cerita itu dilakukan di atas pentas sandiwara, dan Radio Malaya bahagian Melayu telah berjaya juga menyiarkannya sebagai cerita sandiwara radio, saya fikir Cikgu P. Suradi sekarang ini berjaya pula mengarang semula cerita itu untuk pembacaan umum.